

543:
MAHATHIR

1976

IPOH, 18 JUN (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA HARI INI PEGAWAI-PEGAWAI YANG BERTANGGUNG-JAWAB TERHADAP PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK PATUT DISALAHKAN SEKIRANYA PROJEK ITU GAGAL.

INI JALAH KERANA RANCANGAN PEMBANGUNAN SUDAH SEDIA DAN WANG UNTUK MELAKSANAKANNYA SUDAH ADA, KATANYA KETIKA BERUCAP KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KERAJAAN DAN BADAN BERKANUN DI SINI.

BELIAU BERKATA KECEKAPAN YANG TINGGI DIPERLUKAN UNTUK MENGATASI KEGAGALAN.

KATANYA APABILA KEGAGALAN BERLAKU DALAM RANCANGAN PEMBANGUNAN, SETENGAH PEGAWAI AKAN MENYALAHKAN PEGAWAI LAIN.

PEGAWAI-PEGAWAI MESTILAH MEMBETULKAN DIRI MEREKA SENDIRI SEBELUM MEMBETULKAN ORANG LAIN.

SEMUA ORANG DARI PERDANA MENTERI DAN TIMBALAN PERDANA MENTERI

HINGGALAH SAMPAI KE PERINGKAT BAWAH HARUSLAH MENEGUR DIRI SENDIRI.

KATANYA, PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN MESTILAH MENINGKATKAN KEUPAYAAN Masing-masing dan janganlah menganggap diri mereka sudah tahu serba-serbi. — BERSAMBUNG 1440/AI

301

546:
MAHATHIR 2 IPOH

DR. MAHATHIR BERKATA PEGAWAI-PEGAWAI MESTILAH MENGAJAI RANCANGAN PEMBANGUNAN DENGAN TELITI DAN JANGAN MEMBAZIRKAN WANG UNTUK PROJEK YANG TIDAK MENGUNTUNGGAN.

KATANYA OLEH KERANA PERBELANJAAN BERULANG KERAJAAN MENYERAP SEBILANGAN BESAR DARI HASILNYA, PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN KEBANYAKANNYA ADALAH DIBIAYAI OLEH PINJAMAN DARI LUAR NEGERI DAN TEMPATAN.

PEGAWAI-PEGAWAI MESTILAH MENGHARGAI NILAI WANG YANG MEREKA BELANJAKAN UNTUK PEMBANGUNAN.

KATANYA, +KITA MESTI MENUNJUKKAN BAHAWA KREDIT YANG KITA PEROLEHI ADALAH MENGUNTUNGGAN.+

MENYENTUH TENTANG PENJAGAAN KESELAMATAN, BELIAU BERKATA INI BERKAIT RAPAT DENGAN PEMBANGUNAN.

PEGAWAI-PEGAWAI MESTILAH MENYEDARKAN ORANGRAMAI TENTANG KESAN SEPENUHNYA DARI ANCAMAN PENGGANAS KOMUNIS KEPADA NEGARA DAN BAHAWA PERJUANGAN MENENTANG PENGGANAS ADALAH +PERJUANGAN RAKYAT+. — BERSAMBUNG 1449/AI

548:
MAHATHIR 3 IPOH

DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA AKHIRNYA MENCAPAI KEMERDEKAAN SELEPAS 400 TAHUN DIJAJAH OLEH KUASA-KUASA ASING.

TETAPI 19 TAHUN MERDEKA JANGANLAH PULA MENYEBABKAN RAKYAT SAMPAI MEMIKIRKAN YANG KEMERDEKAAN ITU BERERTI BUAT SELAMA-LAMANYA.

ADA KUASA YANG MENUNGGU PELUANG UNTUK MENGAMBILALIH NEGARA INI.

RAKYAT MESTILAH TERUS BERWASPADA TERHADAP ANASIR-ANASIR TERSEBUT DAN MENOLONG MEMPERTAHAN DAN MEMBANGUNKAN NEGARA.

TERDAHULU DARI ITU, DR. MAHATHIR TELAH DIBERI TAKLIMAT MENGENAI PEMBANGUNAN DAN KESELAMATAN DI PERAK DI BILIK GERAKAN NEGERI DI SINI.

MENTERI BESAR, TAN SRI HAJI GHAZALI JAWI, TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHAMED ISA DAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, RADIN SOENARNO ADALAH TURUT HADHIR.

DR. MAHATHIR BERSAMA TAN SRI HAJI GHAZALI KEMUDIAN BERSEMBAHAYANG JUMAAT DI MASJID NEGERI DI SINI. — BERNAMA 1457/AI